



MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my
Portal rasmi: www.gerik.gov.my

Bil.(107) dlm.M.D.Gk/(P)13/84.Pt.IX 30/2001 (Jld.3)

NOTIS KERJA UNDI MAJLIS DAERAH GERIK BIL 3/2025

1. Tawaran adalah dipelawa kepada semua **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang **BERALAMAT DI DAERAH GERIK** sahaja serta mempunyai Gred/Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

- **SEPERTI DI LAMPIRAN A YANG BERKEPIL** -

2. Cabutan undi akan dilaksanakan melalui siaran langsung sistem atas talian di pautan **Facebook Rasmi MAJLIS DAERAH GERIK** yang akan diadakan pada:

TARIKH	MASA	TEMPAT
11 OGOS 2025 (ISNIN) (*sekiranya ada perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa)	10.00 PAGI	Facebook Rasmi MAJLIS DAERAH GERIK

3. Sesi undian akan dijalankan sepenuhnya secara atas talian, oleh itu kontraktor tidak perlu hadir pada hari undian dijalankan. Bagaimanapun, kontraktor boleh menyaksikan proses undi melalui atas talian seperti ketetapan perkara 2 di atas.
4. Berikut merupakan tarikh yang perlu diberi perhatian oleh pihak kontraktor:-

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Pendaftaran Kontraktor dan Tarikh Akhir Memuatnaik Dokumen Secara Atas Talian	21 JULAI 2025 (9 pagi) sehingga 25 JULAI 2025 (12.00 tgh) *pastikan kontraktor membuat pendaftaran dalam tempoh tersebut ini sahaja untuk mengelakkan pendaftaran ditolak.
2.	Paparan Notis Senarai Kelayakan Kontraktor Memasuki Proses Undi (melalui Facebook MAJLIS DAERAH GERIK dan Laman Web www.gerik.gov.my)	30 JULAI 2025
3.	Proses Undi Berlangsung (live streaming Facebook MAJLIS DAERAH GERIK)	11 OGOS 2025 (10.00 pagi) (*sekiranya ada perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa)

"PERAK SEJAHTERA 2030"

5. Pendaftaran hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut melalui Google Form di pautan <https://forms.gle/uvAgEVuymTcvnc7h6> dengan menyertakan dalam bentuk PDF sahaja:
 - a) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB
 - b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB
 - c) Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
 - d) Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - e) Resit Pembaharuan (jika berkenaan)
6. **Kelewatan atau kegagalan** kontraktor-kontraktor mendaftar mengikut masa yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan untuk menyertai proses UNDIAN KERJA.
7. Kontraktor-kontraktor diwajibkan menghantar salinan dokumen seperti yang dinyatakan diperkara 5 dengan memuatnaik secara atas talian bagi tujuan pendaftaran dan seterusnya proses pengundian. **Tarikh akhir luput sijil-sijil berkenaan hendaklah pada 25 OKTOBER 2025** dan ke atas (3 bulan daripada tarikh tutup pendaftaran).
8. Penawaran kerja adalah tertakluk kepada syarat-syarat Kategori dan Pengkhususan seperti yang tercatat dalam sijil tersebut.
9. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
10. Kontraktor yang telah mendapat kerja lantikan terus, cabut undi atau kerja sebut harga sepanjang tahun 2025 daripada Majlis Daerah Gerik adalah tidak layak menyertai pendaftaran undi ini.
11. Pihak Majlis berhak menarik semula surat tawaran atau inden kerja sekiranya didapati kontraktor mengemukakan atau memberikan maklumat palsu.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD FAZRIL BIN RAMLI)

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Gerik

Bertarikh : 16 JULAI 2025

"PERAK SEJAHTERA 2030"

LAMPIRAN A

NOTIS KERJA UNDI MAJLIS DAERAH GERIK BIL 3/2025

BIL.	TAJUK KERJA	PERUNTUKAN (RM)	GRED	KATEGORI / PENGKHUSUSAN
1	Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Bagi Keperluan <i>Age Friendly City</i> Di Geotapak Turf Lawin, Gerik, MD Gerik	100,000.00	G1	CE/ CE21